

# RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

## PERPECAHAN UMAT ISLAM

### MENURUT PANDANGAN AL-GHAZĀLĪ

Berpecahlah sebagaimana yang telah maklum ialah suatu perbuatan yang sangat-sangat terkeji di dalam Islam. Berpuluhan-puluhan ayat di dalam kitab suci al-Quran yang menyuruh bersatu padu dan menjadi nas yang sarih bahawa agama Allah yang telah diperundang-undangkan melalui lidah Rasul-rasul-Nya adalah membantah dengan keras akan pertelingkahan dan perpecahan. Al-Quran al-Karim telah mendidik umat Islam supaya taat kepada Allah, taat kepada Rasul dan *ulī-’amr*. Dan manakala timbul sesuatu pertelingkahan hendaklah diselesaikan menurut ajaran Allah dan Rasul-Nya, kerana cara yang demikian ialah jalan yang sebaik-baiknya.

(Oleh Abdullah Basmeh)

Adapun taat kepada Allah ialah menurut segala ajaran yang terkandung di dalam kitab suci al-Quran, sedang di antara kandungannya sebagaimana yang dibentangkan di atas adalah melarang daripada bertelingkah dan berpecahbelah di dalam agama. Taat kepada Rasulnya pula ialah menurut jejaknya dan taat kepada “*ulī-’amr*” ialah mengerjakan apa-apa yang telah dimuafakatkan oleh orang-orang yang bertanggungjawab daripada alim ulama dan pengajur-pengajur Islam setelah suatu perkara yang mengenai ijihad (kerana ketiadaan nas) itu dirundingkan sesama sendiri dan menentukan bahawa perkara yang telah dimuafakatkan itulah yang berfaedah dan di atas terdiri maslahat umat Islam. Apakala pula berlaku sesuatu pertelingkahan maka segayalah diselesaikan menurut kitab Allah dan sunnah Rasulnya, dan tidak harus sama sekali bagi orang-orang Islam berkekalan di dalam pertelingkahan dan perpecahan.

### Kesan Taqlid

Malangnya – kitab al-Said Rasyid Rida – hukum Allah yang demikian jelasnya, telah terbengkalai oleh perbuatan suka bertaqlid yang telah menjadi pendinding di antara orang-orang Islam dengan kitab Allah. Sunnah Rasulnya dan *ijma'* (persatuan faham) orang-orang yang bertanggungjawab yang terhitung menjadi “*ulī*

*al-’amr*“ itu. Sehingga orang Islam telah berpecah-pecah, berpuak-puak dalam perkara agama; orang ini daripada golongan Khawarij, orang itu daripada golongan Syiah, yang lainnya daripada golongan anu dan seterusnya. Demikian juga telah berpecah-pecah dalam urusan dunia; orang ini menurut pengaruh pemerintah anu dan redha memerangi saudaranya orang-orang Islam kerana memuaskan hawa nafsunya. Orang itu pula menurut pemerintah anu dan tergamak mencabul pemerintah-pemerintah agama kerana berlaku taat setia kepadanya. Bahkan penyakit perpecahan itu telah melarat lebih jauh dan lebih berbahaya. Iaitu perkara mendiamkan diri terhadap perbuatan-perbuatan bida’ah, dan redhakan perbuatan tiap-tiap seorang yang bertaqlid kerana jahilnya. Yang lebih menyedihkan lagi ialah orang banyak daripada berbagai-bagai puak itu telah sekata membantah dan memusuhi siapa-siapa sahaja yang mengajak kepada beramal dengan ajaran kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya SAW, bahkan tuan akan dapat di antara orang-orang yang bergelar ulama tidak sanggup membantah murid-murid darjah permulaan daripada membaca buku-buku dan surat-surat khabar yang mencerca ubri agama dan mencuba hendak meruntuhkan binaannya yang kukuh. Tetapi dalam pada itu ia tidak lupa membantah dengan kerasnya terhadap seseorang yang membaca kitab Allah atau suratkhabar yang menyerunya berpandu kepada ajaran kitab

Tuhannya dan sunnah nabi-Nya *alaih al-salāt wa al-salām*, bahkan bantahannya itu menurut pandangannya sebagai ghairah kepada agama dan khidmat baginya !!

Alangkah terpelantingnya fahaman itu? Inilah kesan peninggalan taqlid yang sejahteratnya.

### **Ulī al-'Amr**

Siapa dia “*ulī al-'amr*” yang sebenarnya telah diterangkan oleh al-Said Rasyid Rida:

Ubat penawar yang akan mengubati penyakit pertelingkahan perpecahan ini memang payah didapati pada masa ini, kerana sikap bermaharajalela telah menghilanglenyapkan “*ulī al-'amr*” di antara orang-orang Islam. Tidak ada orang di antara mereka yang sanggup memajukan buah fikirannya dan rundingannya kepada pembesar-pembesar kerajaan dan raja-raja bahkan setengahnya mengatakan bahawa “*ulī al-'amr*” yang tersebut di dalam Quran ialah pembesar-pembesar kerajaan dan raja-raja, pada hal yang sebenarnya ayat-ayat itu telah turun mengenai “*ulī al-'amr*” yang berada dalam masa hayat Rasulullah SAW, sedang pada masa itu tidak ada di sana amr atau raja, apa yang ada ialah ahli-ahli mesyuarat daripada sahabat-sahabat besar Nabi Alaihim al-Riḍwān, yang mengetahui segi-segi maslahat beserta dengan memaham kandungan al-Quran.

Demikianlah di dalam lingkungan sesuatu umat itu wajiblah ada orang-orang yang menjadi ahli fikiran dan berpengalaman luas tentang aliran siasah dan maslahat-maslahat yang mengenai masyarakat. Serta mereka sanggup pula “*istinbat*” (mengeluarkan hukum-hukum daripada usul-usul agama – p). Mereka itulah yang terkenal menurut takrif Islam dengan nama “ahli mesyuarat; (ahli as-Syura) dan “ ahli yang bertanggungjawab merombak dan mengikat sesuatu perkara “ (*ahl al-hal wā al-'aqad*). Setengah daripada kuasa yang ada kepada mereka ialah bahawa pemilihan ketua pemerintahan (khalifah) itu tidak akan menjadi sah melainkan apabila mereka itu memilihnya, mereka itulah juga yang terkenal pada umat-umat lain dengan nama “*wakil-wakil rakyat*” (*Nawab al-Ummah*).

Kiranya mereka yang tersebut ini ada wujudnya dalam sebuah negeri Islam nescaya akan mudahlah dapat mengeluarkan orang-orang Islam dari gelap gelita pertelingkahan dan dapat menyelamatkan mereka daripada bahayanya. Adapun yang mengenai perkara-perkara kehakiman pentadbiran dan siasah maka hendaklah mendirikannya di atas kaedah-kaedah syara‘ supaya dapat memelihara maslahat dan menolak kerosakan menurut keadaan masa dan tempat. Akan perkara-perkara yang mengenai Iktiqad dan ibadah pula maka mengembalikannya kepada amalan yang diamalkan oleh orang-orang “salaf” (*al-Salaf al-ṣālih*) dengan tidak menambah dan mengurangnya dan mensifatkan apa-apa yang telah diijtima‘kan oleh orang-orang Islam dalam zaman permulaan Islam dahulu itulah agama yang tiap-tiap seorang muslim tertuntut memeluknya, sedang yang lain daripada itu yang mengenai masalah-masalah ijtihadiah iaitu masalah-masalah yang diamalkan oleh seseorang yang telah mempunyai sesuatu dalil yang dipandangnya benar, dengan tidak pula ia memusuhi. Atau bertengkar dengan saudaranya orang-orang Islam yang belum nampak kebenaran dalilnya itu, sedang mereka sefaham dengannya tentang masalah-masalah yang mengenai ijma‘ itu.

Adapun orang awam yang tidak sanggup mengadakan dalil berkenan sesuatu hukum, maka tiada sigia dihebahkan kepadanya berkenaan masalah khalifah. Kiranya ia musykil tentang sesuatu hukum hendaklah ia meminta fatwa kepada orang alim yang ada pada zamannya, yang dipercayai tentang alim dan taqwanya. Orang alim itu tertentu menerangkan hukum Allah dalam masalah itu dengan menyebutkan kepadanya alasannya dengan nas daripada kitab Allah dan hadis syarif, dan menerangkan masalah itu dengan jelas dan ringkas – dengan cara yang demikian inilah yang biasa dilakukan oleh sahabat-sahabat nabi dan orang-orang tabi'in. Tetapi bagaimana orang Islam pada hari ini dapat mengikut jejak mereka, kerana “*ulī al-'amr*“ tempat orang ramai menyerahkan urusan-urusan amnya dan menjadikan mereka itu pengawal terhadap pihak pemerintah dan undang-undang, tidak ada wujudnya?!

## **Ubat penawar al-Ghazālī**

Ubat penawar yang akan menyembuhkan penyakit pertelingkahan dan perpecahan umat Islam telah dijelaskan oleh “*Hujjat al-Islām*” Imam al-Ghazālī di dalam kitabnya “*al-Qiṣṭas al-Mustaqim*” dalam suatu perbahasan yang berlaku di antaranya dengan seorang ketua kaum “Batiniyyah”.

Dalam perbahasan itu orang itu telah bertanya kepadanya:

“ Bagaimana orang ramai dapat menyelamatkan diri daripada pertelingkahan-pertelingkahan ini? ”

Bagi mencubanya al-Ghazālī berkata:

“Kiranya mereka tunduk mendengar nasihat saya maka saya akan menamatkan pertelingkahan di antara mereka itu dengan kitab Allah Taala, tetapi saya tidak ada daya hendak menjadikan mereka tunduk mendengar.....

“Kalau mereka tunduk mendengar, apa yang tuan akan lakukan? ” tanya orang itu lagi.

“Saya akan melayan mereka dengan suatu ayat sahaja daripada al-Quran, iaitu: *wa anzalnā ma ’ahum al-kitāb wa al-mīzān liyaqūm al-nās bī al-qīṣṭ, wa anzalnā al-hadid....*” kami turunkan bersama-sama mereka (Rasul-rasul) kitab suci dan neraca supaya manusia mendirikan keadilan, dan kami turunkan (jadikan) besi....)

“Tuhan azza wajalla – kata al-Ghazālī – telah menurunkan ketiga-tiganya ini ialah kerana manusia itu terdiri daripada tiga puak:

Pertama: Orang-orang awam, iaitu puak yang tidak berpengetahuan dan tidak banyak bicara – suka damai.

Kedua: Orang-orang khawas (pilihan). Iaitu golongan yang cerdik dan bijak.

Ketiga: Golongan yang unggul dan gemar kepada pertengkaran (*ahl al-Jadl wa al-Syaghīb*). Golongan ini berasal daripada golongan yang kedua – golongan cerdik dan bijak – tetapi mereka telah sebat dengan sifat unggul dan gemar kepada

pertengkaran dan pertelingkahan disebabkan mereka suka berpandu kepada nas Quran yang tidak jelas maksudnya. Kerana hendak menimbulkan fitnah dan perpecahan semata-mata.

“Adapun golongan yang cerdik dan bijak (*khawas*) itu – kata al-Ghazālī lagi – hal saya akan mengubati (memimpin) mereka dengan mengajarkan mereka akan neraca keadilan dan cara menimbang dengannya, dan dengan itu sudah tentu akan terhapuslah segala pertelingkahan yang mereka sedang berada di dalamnya. Sementelah pula ada terhimpun kepada mereka tiga perkara:

Pertama: Mempunyai sifat-sifat kecerdikan dan kebijaksanaan, sedang kedua-duanya ini ialah sifat semula jadi, yang tidak didapati dengan usaha latihan.

Kedua: Diri batin mereka kosong daripada perasaan taqlid dan taksub terhadap sesuatu mazhab yang telah diwarisi dan didengar perihalnya. Kerana seseorang yang bertaqlid itu tidak dapat mendengar (melainkan ajaran yang ia bertaqlid kepadaanya itu – p). Manakala orang yang bila (dakwa) pula walaupun ada mendengar tetapi ia tidak faham.

Ketiga: Mereka mengetahui bahawa saya (yang menjadi pemimpin mereka – p) adalah seorang yang bijak dan tahu dengan sedalam-dalamnya menggunakan neraca itu. Barangsiapa yang tidak percaya bahawa tuan seorang yang mahir dalam ilmu hisab (misalnya – p) maka sudah tentu ia tidak boleh mempelajarinya daripada tuan. “ (Ini membayangkan kelayakan yang mesti berada kepada “*ulī al-’amr*” yang menjadi pemimpin umat – p).

“Akan golongan yang kedua iaitu sekalian orang awam, maka golongan ini tidak mempunyai kecerdikan untuk memaham hakikat sesuatu perkara, sekalipun mereka mempunyai sifat kecerdikan yang semula jadi tetapi mereka tidak ada pendorong bagi mencarinya, bahkan mereka sibuk dengan urusan pekerjaan sendiri (perniagaan, pertukangan dan lain-lain kepandaian), mereka juga tidak mempunyai pendorong kepada bertegang urat (bertengkar), iaitu

bersalah dengan orang-orang yang pada zahirnya berilmu tetapi kurang faham. Orang-orang awam yang demikian sifatnya tidaklah mereka akan bertelingkah dan tidak akan melebihkan suatu imam mazhab atas imam yang lain yang bertelingkah itu.

Golongan ini saya akan menyeru (memimpin) mereka dengan pengajaran nasihat (*maw'izah*). Sebagaimana saya akan menyeru golongan yang bijak pandai dengan seruan yang tinggi isinya (hikmah), manakala golongan yang unggul dan gemarkan pertengkaran maka saya serukan dengan cara yang mereka sukai – dengan berbahas dan mendirikan hujah kebenaran (*mujādalah*).

Ketiga-tiga kaedah yang terbentang di atas telah dihimpunkan oleh Allah taala di dalam suatu ayat suci:

“*Ud'u ilā sabīl rabbik bi al-hikmat wa al-mau'iżzat al-hasānat wajādilahum billatī hiya aḥsan....*”(serukanlah manusia kepada agama Tuhanmu dengan pengetahuan yang berhikmat dan pengajaran yang baik, dan bantulah mereka dengan cara yang lebih baik...)

“Setelah itu saya akan perkatakan kepada mereka sebagaimana yang disabdarkan oleh Rasulullah (SAW) kepada seorang I'rabi yang datang bermohon supaya nabi mengajarnya akan ilmu yang pelik dan tinggi. Tetapi telah ketara kepada nabi bahawa orang itu tidak layak dan tidak ada persediaan untuk mencapai ilmu yang dikehendakinya itu. Nabi pun bertanya kepadanya:

“Apa engkau sudah perlakukan kepada kepada ilmu? Yakni imam dan taqwa dan bekal hari akhirat. Baginda pun menyuruhnya balik dahulu mengamalkan akan “kepala ilmu” yang diisyaratkannya itu dengan bersabda:

*idhab faḥkum ra'sa al-'ilm thumma irji' lā a'lamuka min għaraibihī.”*

(Pergilah dahulu betulkan baik-baik (amalkan) kepala ilmu itu, kemudian balik ke mari supaya aku ajarkan ilmu yang pelik-pelik itu.)

Hujjat al-Islām al-Għażali berkata lagi:

“Dengan berpandukan sabda Rasulullah (SAW) yang tersebut.

Saya akan berkata kepada orang awam: Ada pun perkara mengharungi medan masalah-masalah khalifah itu bukanlah suatu perkara yang layak bagi kamu, maka berhati-hatilah daripada menceburkan diri di dalamnya, akibatnya kamu akan binasa. Sekiranya kamu telah menghabiskan umur dalam bertukang emas. Sudah tentu kamu tidak akan dapat menjadi tukang tenun. Sementelah pula kamu telah menghabiskan umur bukan dalam menuntut ilmu, maka bagaimana kamu hendak menjadi ilmu dan berkebolehan mengharunginya? Berhati-hatilah kamu daripada menceburkan diri dalam kebinasaan, kerana perkara itu akan menyebabkan orang awam menjadi “kafir” dengan tidak disedari.

“Kalau pula orang awam itu berkehendakan suatu penjelasan yang memuaskan hatinya berkenaan dengan agama yang dipeluknya, maka saya akan jelaskan: Bahawa agama itu ada mempunyai usul dan furū'. Tentang usul: Tidaklah kamu dikehendaki beriqitikad melainkan apa yang telah tersebut di dalam kitab suci al-Quran, kerana Allah Subhanahu wa Ta'āla tidak melindung sifatnya dan asma'nya (nama-namanya) daripada hamba-hambanya. Hendaklah beriqitikad bahawa tidak ada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah, dan bahwasanya Allah taala, hidup, mengetahui, berkuasa, mendengar, melihat....., tidak ada sesuatu pun seumpamanya, sebagaimana yang tersebut di dalam Quran, kerana yang demikian cukuplah untuk menjadikan sah iqtikad yang dipeluk itu.

Kiranya kesamaran tentang sesuatu nasnya, maka hendaklah berkata: “Kami beriman dengannya, kesemuanya itu datangnya daripada Tuhan kami.....” Janganlah kamu berpaling kepada kata Qil itu dan kata Qil ini, kerana kamu tidak disuruh berpegang dengannya.....dan tidak sepadan dengan kesanggupan yang ada kepada kamu.

“Kalau pula orang awam itu masih lancar mulutnya lalu melarat kepada perkara-perkara yang telah dipertengkarkan oleh mazhab Ash'ariyyah (ahl al-Sunnah) dan Mu'tazilah maka jelaslah dia bukanlah orang awam lagi, kerana orang awam tidak

tergerak hatinya kepada perkara itu jika tidak digerakkan oleh syaitan pertengkar. Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ālā tidak membinasakan sesuatu kaum melainkan didatangkan kepada mereka pertengkar dan perintahan. Demikianlah tersebut di dalam hadis junjungan kita. “

Menurut yang difaham oleh al-Said Rasyid Rida bahawa hadis yang dimaksudkan oleh al-Ghazālī, harus ialah hadis Abī Umāmah yang diriwayatkan oleh at-Tirmizī yang berbunyi:

“Mā ḥalla qawm ba'da huda kanu 'alayhi illā 'ūtū al-jadal.

(tidak sesat sesuatu kaum kemudian daripada pertunjuk yang mereka berada di atasnya melainkan mereka didatangi oleh penyakit pertengkar dan perbalahan).

Al-Ghazālī berkata lagi : “Apabila orang itu telah jelas bukanlah lagi daripada orang awam tetapi telah menjadi ahli pertengkar (al-Jidal), maka saya akan gunakan ubat yang sesuai dengannya. “

(Harus maksudnya: Akan melayannya dengan cara bertikam lidah juga, sehingga dapat menjatuhkan hujahnya – p)

### Berpandu kitab Allah

Pada penutupnya Hujat al-Islām berkata :

“Dengan agama iaitu membawa mereka berpandu kepada kitab Allah, usul agama iaitu membawa mereka berpandu kepada kitab Allah, kerana Tuhan azawajalla telah menurunkan kitab sucinya, neraca dan besi. Adapun berkenaan “Furu” maka saya akan berkata kepada tiap-tiap seorang di antara mereka : Janganlah kamu merunsingkan hati dengan masalah-masalah khalifah selagi kamu belum tunaikan segala hukum yang telah sekata umat Islam mengakui kebenarannya. Seluruh umat Islam telah sekata (infaq) mengakui bahawa yang menjadi bekal akhirat ialah taqwa, dan bahawa usaha yang haram, harta yang haram, mengumpat, berzina, mencuri, khianat,

dan lain-lain lagi daripada perkara-perkara larangan, ialah haram.

Manakala segala yang difardhukan itu ialah wajib ditunaikan.

Kiranya kamu telah selesai mengerjakan kesemuanya ini maka saya akan mengerjakan kamu jalan bagi menyelamatkan diri daripada pertelingkahan. Tetapi kalau orang itu telah meminta saya terangkan kepadanya jalan itu sebelum ia menunaikan segala yang tersebut, maka jelaslah kepada saya bahawa ia bukanlah orang awam lagi bahkan ialah seorang ahli pertengkar dan perbalahan. “

Tatkala mengulas faham al-Ghazālī yang dibentangkan di atas maka al-Syed Rashid Riḍā menulis:

Telah diketahui daripada fahamnya yang tersebut bahawa ia sedia melayan golongan yang cerdik dan bijak pandai itu dengan menggunakan neraca dalil-dalil keterangan, manakala golongan ahli al-Jadal (ahli-ahli pertengkar) akan dilayan dengan cara bertikam lidah dan menjatuhkan hujah mereka.

Akan orang-orang yang unggul pula daripada golongan itu maka tujuan mereka mengadakan pertengkar tidaklah lain daripada hendak menimbulkan fitnah di antara orang-orang awam, dan sudah tentu layanan yang sesuai dengannya ialah menggunakan “besi” yakni kuasa pemerintah yang boleh menindas setengah orang daripada menimbulkan fitnah dan merasuk akan setengahnya yang lain.

---

Semua dosa boleh diendurkan oleh Allah taala menurut kehendak-Nya sehingga hari qiamat, kecuali derhaka kepada ibu bapa maka sesungguhnya Allah taala akan laksanakan (balasannya) bagi si derhaka itu pada masa hidup sebelum matinya, maksud hadis riwayat hakim dan al-Tabrānī.

\* \* \*

Jadikanlah manusia itu sebagai bapa, saudara dan anak; kemudian hormatkanlah bapamu bantulah saudaramu dan kasihanilah anakmu.